

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)

Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپنٹ فونٹونٹا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT LONDON BILANGAN 19/2020

Kepada: Semua Pelajar Tahun Akhir Pengajian Sesi 2019/2020 Basiswa Kerajaan Negara Brunei Darussalam Di United Kingdom Dan Ireland

Permakluman Terkini Mengenai Borang Tahun Akhir Pengajian Sesi 2019/2020 Pandemik COVID-19

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada semua pelajar tahun akhir bagi pengajian sesi 2019/2020 yang berkenaan bahawa Unit Penuntut-Penuntut telah menerima maklumat terkini mengenai status borang melapor diri setelah tamat pengajian semasa pandemik COVID-19.

Sehubungan dengan itu, disampaikan perkara-perkara berikut:

Untuk maklumkan semua pelajar, sepertimana yang lazim dibuat oleh Bahagian Basiswa setiap pelajar yang tamat pengajian (balik *for good*) akan melapor diri ke Bahagian Basiswa selewat-lewatnya **seminggu** setelah berada di Negara Brunei Darussalam (rujukan : Buku Aturan-Aturan dan Peraturan-Peraturan Dermasiswa Ke Luar Negeri).

Bagi tujuan pengemaskinian dan pemantauan pelajar yang telah tamat pengajian, pihak Bahagian Basiswa telah menambah satu **Key Deliverable** (KD) untuk memastikan semua pelajar di dalam pemantauan bahagian ini. Antara lain jua tujuan KD ini diusahakan ialah dengan adanya KD baru ini, Bahagian Basiswa akan dapat mengkongsisama *data/status* pelajar kepada yang menghendaknya seperti untuk Majlis Mesyuarat Negara, *Stakeholder* Kementerian-Kementerian mahupun pihak Swasta.

Oleh yang demikian, pihak Bahagian Basiswa memohon kerjasama semua pelajar tahun akhir bagi pengajian sesi 2019/2020 untuk memastikan mengikuti perkara berikut;

1. Sebelum pelajar diberikan tiket untuk balik ke Negara Brunei Darussalam (*for good*) pelajar adalah dimestikan terlebih dahulu mengisi **Report Form Graduated Student** untuk pelajar Basiswa atau SBPP melalui link disediakan. Tiket penerbangan tidak akan diedarkan sehingga pelajar sudah memenuhi permintaan seperti yang disyaratkan diatas dimana telah terbukti yang pelajar telah membuat sepertimana yang disarankan oleh pihak Bahagian Basiswa.
2. Memandangkan ketika ini Negara Brunei Darussalam masih dalam pengawalan penularan wabak COVID-19, maka semua pelajar adalah dikehendaki menghantar borang tersebut ke Bahagian Basiswa melalui **emel sahaja** iaitu scholarship@moe.gov.bn dan salinan kepada Unit Penuntut-Penuntut London melalui emel finance@upp.org.uk

3. Walau bagaimanapun, merujuk pada keadaan semasa wabak COVID-19 serta nasihat Kementerian Kesihatan, pihak Bahagian Biasiswa akan memaklumkan kepada pelajar sekiranya dikehendaki untuk Melapor Diri ke Bahagian Biasiswa.

Sukacita mengongsikan bahawa borang melapor diri bagi pelajar Biasiswa dan SBPP boleh dimuat turun daripada MOE website seperti berikut:-

1. [Borang Melapor Diri Balik for Good - Biasiswa -](#)

[http://moe.gov.bn/Testing%20One/Students%20Form/Government%20Scholarship%20Students%20Report%20Form%20\(Melapor%20Diri\)%20-%20For%20Graduated%20Student.pdf](http://moe.gov.bn/Testing%20One/Students%20Form/Government%20Scholarship%20Students%20Report%20Form%20(Melapor%20Diri)%20-%20For%20Graduated%20Student.pdf)

2. [Borang Melapor Diri Balik for Good - SBPP](#)

<http://moe.gov.bn/Testing%20One/SBPP%20Form/SBPP%20Students%20Report%20Form%20-%20For%20Graduated%20Student.pdf>

Akhirnya, didoakan semoga semua pelajar sentiasa dalam perlindungan Allah subhanahu Wata'ala, dan dihindarkan dari musibah penyakit COVID-19.

Wassalam

Keluarga Kukuh, Teras Masyarakat Sejahtera



Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU E/5

Tarikh: 04 Syawal 1441H / 27 Mei 2020M

PASPHA/hz